



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 14 TAHUN 2013

SKIM PERKHIDMATAN PENSYARAH FARMASI

TUJUAN

1. Pekeling ini bertujuan untuk memaklum dan melaksanakan keputusan kerajaan mewujudkan satu skim perkhidmatan baharu iaitu skim perkhidmatan Pensyarah Farmasi.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah bersetuju mewujudkan skim perkhidmatan Pensyarah Farmasi untuk memudahkan pelaksanaan pemanjangan laluan kemajuan kerjaya Pegawai Farmasi di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kepada Pensyarah Universiti (bidang Farmasi) di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Pada masa ini, tenaga pengajar bidang Farmasi di IPTA menggunakan skim perkhidmatan Pensyarah Universiti dan Pensyarah UiTM. Sehubungan itu, terdapat keperluan untuk mewujudkan skim perkhidmatan baharu yang khusus dengan tujuan untuk

memperkemas aspek pengurusan perkhidmatan serta memberi identiti yang tersendiri kepada Pensyarah bidang Farmasi di IPTA sebagaimana skim perkhidmatan Pensyarah Perubatan dan Pensyarah Pergigian.

SKIM PERKHIDMATAN BAHARU

3. Skim perkhidmatan baharu ini dinamakan skim perkhidmatan Pensyarah Farmasi. Perbekalan yang terdapat dalam skim perkhidmatan ini adalah seperti berikut:

- (a) skim perkhidmatan ini diletakkan di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pendidikan (D);
- (b) gred jawatan/gred gaji skim perkhidmatan ini ialah Gred DUF45, DUF51/52, DUF53/54, Gred Khas C, Gred Khas B, Gred Khas A, Gred Khas Turus III, Gred Khas Turus II dan Gred Khas Turus I;
- (c) syarat lantikan Pensyarah Farmasi Gred DUF45:
 - (i) ijazah sarjana dalam bidang farmasi yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi awam tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan berdaftar penuh dengan Lembaga Farmasi Malaysia; atau
 - (ii) ijazah doktor falsafah (PhD) bidang farmasi yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi awam tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan berdaftar penuh dengan Lembaga Farmasi Malaysia.
- (d) skim perkhidmatan ini memperuntukkan pelantikan secara lateral ke gred-gred yang lebih tinggi iaitu Gred DUF51, DUF53 (Profesor Madya) dan Gred Khas C (Profesor) tertakluk memenuhi syarat seperti berikut:

- (i) memiliki kelayakan akademik yang disyaratkan seperti di perenggan 3(c);
 - (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang ditetapkan; dan
 - (iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan.
- (e) peruntukan kaedah kenaikan pangkat adalah seperti berikut:
- (i) kenaikan pangkat secara biasa dari gred ke gred; dan
 - (ii) kenaikan pangkat dalam keadaan istimewa setelah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan termasuk memenuhi kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh IPTA-IPTA berkenaan melalui garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

4. Skim perkhidmatan Pensyarah Farmasi yang baharu adalah seperti di **Lampiran A**. Format iklan jawatan adalah seperti di **Lampiran B**. Jadual Gaji Minimum - Maksimum (JGMM) bagi skim perkhidmatan ini adalah seperti di **Lampiran C**. Penguraian kerja umum adalah seperti di **Lampiran D**.

PELAKSANAAN

Prinsip Umum Pertukaran Pelantikan

5. Pegawai hendaklah ditukar lantik ke jawatan baharu di skim perkhidmatan yang sama atau berlainan pada gred yang setara dengan jawatan asal. Pegawai yang ditukar lantik ke skim perkhidmatan dalam kelompok kelayakan yang lebih tinggi pula, gred jawatan yang akan ditawarkan adalah pada gred lantikan. Sekiranya tiada gred setara, maka jawatan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) boleh diwujudkan.

Skim Perkhidmatan Pensyarah Farmasi

6. Semua Pensyarah Universiti (bidang Farmasi) yang dilantik secara tetap termasuk mereka yang dalam tempoh percubaan serta memilih opsyen Sistem Saran Malaysia adalah layak diberi opsyen untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah Farmasi.
7. Pegawai akan ditukar lantik secara gred ke gred ke skim perkhidmatan Pensyarah Farmasi yang baharu seperti berikut:
 - (a) Pensyarah Universiti (bidang Farmasi) Gred DS45 akan ditukar lantik ke Pensyarah Farmasi Gred DUF45;
 - (b) Pensyarah Universiti (bidang Farmasi) Gred DS51 akan ditukar lantik ke Pensyarah Farmasi Gred DUF51;
 - (c) Pensyarah Universiti (bidang Farmasi) Gred DS52 akan ditukar lantik ke Pensyarah Farmasi Gred DUF52;
 - (d) Pensyarah Universiti (bidang Farmasi) Gred DS53 akan ditukar lantik ke Pensyarah Farmasi Gred DUF53;
 - (e) Pensyarah Universiti (bidang Farmasi) Gred DS54 akan ditukar lantik ke Pensyarah Farmasi Gred DUF54; dan
 - (f) Pensyarah Universiti (bidang Farmasi) Gred Khas C, Gred Khas B, Gred Khas A, Gred Khas Turus III, Gred Khas Turus II dan Gred Khas Turus I masing-masing akan ditukar lantik ke gred yang sama.
8. Jabatan ini (Bahagian Pembangunan Organisasi [BPO]) akan melaksanakan perubahan jawatan Pensyarah Universiti (bidang Farmasi) dalam Surat Kelulusan Perjawatan sedia ada.

9. Mulai tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan ini, semua lantikan sebagai Pensyarah Farmasi hendaklah menggunakan skim perkhidmatan yang baharu dan syarat lantikan yang ditetapkan hendaklah dipatuhi.

PEMBERIAN OPSYEN

10. Ketua Jabatan hendaklah menawarkan opsyen kepada pegawai yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pensyarah Universiti (bidang Farmasi) bagi membolehkan pegawai membuat pilihan.

11. Pegawai yang bersetuju menerima opsyen akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang baharu.

12. Pegawai yang menolak opsyen atau tidak membuat sebarang opsyen atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah atau membuat opsyen dengan bersyarat dianggap sebagai tidak bersetuju untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan baharu ini. Pegawai berkenaan akan kekal dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal serta tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan asal.

13. Semua pegawai yang terlibat akan diberi tempoh **30 hari** mulai tarikh surat opsyen dikeluarkan untuk membuat pilihan sama ada menerima atau menolak tawaran opsyen ini. Pilihan yang dibuat adalah **muktamad**.

14. Tawaran opsyen ini hanya diberi kepada pegawai yang bertaraf **tetap** dan masih dalam perkhidmatan pada **1 November 2013**, termasuk mereka yang masih dalam tempoh percubaan serta berada dalam Sistem Saran Malaysia.

15. Tawaran opsyen ini juga hendaklah diberi kepada mereka yang berada dalam keadaan berikut:

- (a) dipinjamkan atau ditukar sementara;
- (b) sedang bercuti;
- (c) tidak hadir bertugas semasa opsyen dikeluarkan dan berkuat kuasa;
- (d) sedang dalam proses tindakan tatatertib; dan
- (e) sedang menjalani hukuman tatatertib.

16. Pegawai yang sedang dalam proses tindakan tatatertib, jika sabit kesalahannya dan dijatuhi hukuman buang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran opsyen tersebut dengan sendirinya terbatal.

17. Sekiranya surat tawaran opsyen tidak dapat disampaikan, termasuk kepada pegawai yang berada dalam keadaan seperti di perenggan 15, Ketua Jabatan boleh menawarkan surat tawaran opsyen dengan memberi tempoh yang sama (**30 hari**) untuk membolehkan mereka membuat pilihan, walaupun tempoh opsyen asal telah tamat.

18. Bagi urusan pemberian opsyen, contoh Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan adalah seperti di **Lampiran E, E1 dan E2**.

19. Tawaran opsyen ini tidak melibatkan pegawai lantikan **sementara** atau **kontrak** dan perkhidmatan pegawai tersebut perlu ditamatkan. Urusan pelantikan semula pegawai berkenaan akan diuruskan oleh Ketua Jabatan, tertakluk memenuhi syarat skim perkhidmatan yang baharu.

KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN

20. Bagi melaksanakan opsyen ini, Pihak Berkuasa Melantik, Ketua Jabatan dan pegawai yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah yang ditetapkan seperti berikut:

(a) **Pihak Berkuasa Melantik**

Pihak Berkuasa Melantik akan mewakilkan kuasa kepada Ketua Jabatan untuk menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai yang terlibat.

(b) **Ketua Jabatan**

- (i) menawarkan opsyen kepada pegawai terlibat;
- (ii) memberi penjelasan terperinci mengenai opsyen kepada pegawai yang terlibat dan implikasi keputusan yang dibuat;
- (iii) mengemas kini Kenyataan Perkhidmatan dan Kenyataan Cuti pegawai yang terlibat selaras dengan perubahan-perubahan berkaitan; dan
- (iv) melaksanakan pekeliling perkhidmatan dan melaporkan kepada jabatan ini (BPO) mengenai status pelaksanaan pekeliling perkhidmatan ini sebelum 1 Mei 2014 mengikut format seperti di **Lampiran F**.

(c) **Pegawai Yang Ditawarkan Opsyen**

- (i) membaca dengan teliti dan faham mengenai opsyen sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, pegawai hendaklah merujuk kepada Ketua Jabatan untuk mendapatkan penjelasan selanjutnya. Pemilihan opsyen adalah muktamad;
- (ii) melengkapkan dua (2) salinan borang opsyen iaitu satu (1) salinan untuk disimpan oleh Ketua Jabatan manakala satu (1) salinan lagi untuk pegawai berkenaan; dan
- (iii) mengembalikan borang opsyen dalam tempoh 30 hari mulai tarikh surat tawaran dikeluarkan.

KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN

21. Pegawai akan ditawarkan gaji permulaan pada amaun gaji yang sama dengan amaun gaji akhir yang diterima di gred jawatan asal pada tarikh kuat kuasa.
22. Pegawai yang gaji akhirnya tidak dapat ditampung oleh amaun gaji dalam JGMM mengikut kaedah di atas, maka jadual gaji KUP hendaklah dipohon daripada jabatan ini (Bahagian Saraan) dengan mengemukakan salinan Kenyataan Perkhidmatan pegawai terlibat yang telah dikemas kini dan disahkan.
23. Contoh kaedah penetapan gaji permulaan bagi pertukaran pelantikan ini adalah seperti di **Lampiran G**.

TARIKH PERGERAKAN GAJI

24. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) bagi pegawai yang terlibat dalam urusan ini dikekalkan mengikut TPG jawatan asal.

ELAUN DAN KEMUDAHAN

25. Urusan pertukaran pelantikan ini tidak melibatkan sebarang perubahan elaun dan kemudahan yang sedang diterima oleh pegawai mengikut pekeliling perkhidmatan/ surat pekeliling perkhidmatan/surat edaran yang berkuat kuasa, termasuk Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal. Walau bagaimanapun, penetapan kadar elaun dan kemudahan tersebut adalah tertakluk kepada penetapan gred jawatan pegawai ditukar lantik.

TARIKH KUAT KUASA

26. Pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 November 2013**.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

29 Oktober 2013

Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia
Naib Canselor IPTA

**SKIM PERKHIDMATAN
PENSYARAH FARMASI**

KLASIFIKASI	: PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
GRED JAWATAN/GAJI	: DUF45, DUF51/52, DUF53/54, Khas C, Khas B, Khas A, Turus III, Turus II, Turus I
TARIKH KUAT KUASA	: 1 NOVEMBER 2013

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

KELAYAKAN UNTUK LANTIKAN KE GRED DUF45

- (c) (i) ijazah sarjana dalam bidang farmasi yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Lembaga Farmasi Malaysia.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DUF45: RM2,878.00); atau
- (ii) ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang farmasi yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Lembaga Farmasi Malaysia.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DUF45: RM3,188.37); atau

KELAYAKAN UNTUK LANTIKAN KE GRED DUF51

- (d) (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(c) di atas;
- (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan
- (iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DUF51: RM5,637.00)

**KELAYAKAN UNTUK LANTIKAN KE GRED DUF53
(PROFESOR MADYA)**

- (e) (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(c) di atas;
- (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya; dan
- (iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DUF53 RM5,922.00)

KELAYAKAN UNTUK LANTIKAN KE GRED KHAS C (PROFESOR)

- (f) (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(c) di atas;
- (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya; dan
- (iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred Khas C: RM7,190.00)

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred DUF45, DUF51, DUF53, Gred Khas C boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM TRANSFORMASI
MINDA**

6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAAN DALAM
PERKHIDMATAN**

7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
 - (a) memenuhi tempoh percubaan;

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

**KEPERLUAN KOMPETENSI
DAN POTENSI**

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED DUF52**

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED DUF54
(PROFESOR MADYA)**

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KHAS C
(PROFESOR)**

- (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
8. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
10. Pensyarah Farmasi Gred DUF45 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Farmasi Gred DUF52 apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
11. Pensyarah Farmasi Gred DUF51/52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Farmasi Gred DUF54 apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
12. Pensyarah Farmasi Gred DUF53/54 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Farmasi Gred Khas C apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KHAS B
(PROFESOR)**

13. Pensyarah Farmasi Gred Khas C adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Farmasi Gred Khas B apabila telah:
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang sangat terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti; dan
 - (c) diperakuan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KHAS A
(PROFESOR)**

14. Pensyarah Farmasi Gred Khas B adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Farmasi Gred Khas A apabila telah:
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang luar biasa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti; dan
 - (c) diperakuan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
GRED DUF45 KE GRED
DUF54 (PROFESOR
MADYA) DALAM
KEADAAN ISTIMEWA**

15. Pensyarah Farmasi Gred DUF45 yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan serta menunjukkan kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat terus ke Gred DUF54.

**KENAIKAN PANGKAT
GRED DUF45 KE GRED
KHAS C (PROFESOR)
DALAM KEADAAN
ISTIMEWA**

16. Pensyarah Farmasi Gred DUF45 yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan serta menunjukkan kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat terus ke Gred Khas C.

**KENAIKAN PANGKAT
GRED DUF51/52 KE GRED
KHAS C (PROFESOR)
DALAM KEADAAN
ISTIMEWA**

17. Pensyarah Farmasi Gred DUF51/52 yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan serta menunjukkan kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat terus ke Gred Khas C.

**KENAIKAN PANGKAT
GRED KHAS C KE GRED
KHAS A (PROFESOR)
DALAM KEADAAN
ISTIMEWA**

18. Pensyarah Farmasi Gred Khas C yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan menunjukkan kecemerlangan akademik yang luar biasa mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat terus ke Gred Khas A.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KHAS TURUS III
(PROFESOR ULUNG)**

19. Pensyarah Farmasi Gred Khas A adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Farmasi Gred Khas Turus III apabila telah:
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan;

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KHAS TURUS II
(PROFESOR ULUNG)**

- (b) mencapai tahap kecemerlangan kesarjanaan yang terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh kerajaan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
20. Pensyarah Farmasi Gred Khas Turus III adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Farmasi Gred Khas Turus II apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap kecemerlangan kesarjanaan yang luar biasa mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh kerajaan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KHAS TURUS I
(PROFESOR ULUNG)**

21. Pensyarah Farmasi Gred Khas Turus II adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Farmasi Gred Khas Turus I apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap kecemerlangan kesarjanaan yang unggul mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh kerajaan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE JAWATAN KETUA
EKSEKUTIF**

22. Pensyarah Farmasi Gred Khas C dan ke atas adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke gred lebih tinggi dalam jawatan Ketua Eksekutif yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang luar biasa mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;
- (c) telah terbukti kemampuan dari segi pengalaman dan sumbangan dalam bidang pengajian tinggi; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

FORMAT IKLAN JAWATAN

Rujukan Fail:

1. (a) Jawatan : Nyatakan nama jawatan seperti dalam skim perkhidmatan berkenaan.
- (b) Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan* : Nama Agensi.
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Nyatakan sama ada Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau Kumpulan Pelaksana.
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Nyatakan Klasifikasi Perkhidmatan yang mengandungi skim perkhidmatan tersebut wujud.
2. Jadual Gaji : Rujuk pekeliling perkhidmatan yang berkuat kuasa.
3. Syarat Lantikan : Seperti syarat lantikan dalam skim perkhidmatan yang berkenaan.
4. Taraf Jawatan : Nyatakan sama ada bertaraf tetap, sementara atau kontrak.
5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan (nyatakan seperti di 1(a) di atas) adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
6. Fungsi Bidang Tugas : Untuk diisi oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat.
7. Tarikh Tutup Permohonan : Nyatakan tarikh tutup permohonan.

(* Potong mana yang tidak berkenaan)

Lampiran C**JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM BAGI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL MULAI 1 NOVEMBER 2013****(RM SEBULAN)**

KOD GAJI KOMPUTER SSM	GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
SSM305DUF54000	DUF54	5,922.00	11,955.00	320.00
SSM305DUF53000	DUF53	5,922.00	11,955.00	320.00
SSM305DUF52000	DUF52	5,637.00	11,285.00	290.00
SSM305DUF51000	DUF51	5,637.00	11,285.00	290.00
SSM305DUF45000	DUF45	2,878.00	10,075.00	255.00

**PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN
PENSYARAH FARMASI**

1. SKIM PERKHIDMATAN

Gred DUF45, DUF51/52, DUF53/54, Gred Khas C, Gred Khas B, Gred Khas A, Gred Khas Turus III, Gred Khas Turus II dan Gred Khas Turus I.

2. PERINGKAT ORGANISASI

Institusi Pengajian Tinggi Awam.

3. RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab memberi syaranan, tutorial, menjalankan penyelidikan dan menghasilkan penerbitan, memberi perkhidmatan klinikal di farmasi hospital atau perkhidmatan di farmasi komuniti, menyelia projek tesis, mengurus kerja-kerja amali, tutorial, menyediakan nota-nota kuliah/ manual makmal, mengendalikan urusan peperiksaan, mengawasi kerja-kerja latihan praktik pelajar, membantu menyemak/ menyediakan kurikulum/ silibus melibatkan diri dalam kerja-kerja penyelidikan dan menjalankan usaha-usaha pembangunan pelajar.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.1 Fungsi dan Bidang Tugas Umum

Fungsi dan bidang tugas bagi jawatan Pensyarah adalah merangkumi:

- (a) penyelidikan dan penerbitan;
- (b) pengajaran dan penyeliaan;
- (c) perkhidmatan klinikal di farmasi hospital atau perkhidmatan di farmasi komuniti;
- (d) kepimpinan akademik, pengiktirafan dan sanjungan;
- (e) perundingan;
- (f) khidmat kepada universiti; dan
- (g) khidmat kepada masyarakat.

Fokus dan keutamaan Pensyarah Farmasi adalah kepada aktiviti-aktiviti akademik dan perkhidmatan seperti penyelidikan, penerbitan, pengajaran dan penyeliaan, dan perkhidmatan klinikal di farmasi hospital atau perkhidmatan di farmasi komuniti.

4.2 Perincian Fungsi dan Bidang Tugas

4.2.1 Penyelidikan dan Penerbitan

Bidang tugas ini diperlukan untuk memperluaskan bidang pengetahuan dan juga menyumbang kepada aktiviti pengajaran yang lebih berkesan (terkini, lebih *hands-on*, dsb).

4.2.2 Pengajaran dan Penyeliaan

- a. Bidang tugas ini adalah tugas rasmi/ hakiki staf. Aspek tugas pengajaran diutamakan dan penyeliaan projek tahun akhir/ latihan amali juga dititikberatkan.
- b. Menjalankan tugas mengajar mengikut jadual dan beban tugas pengajaran yang ditetapkan, penyediaan dan pemeriksaan skrip peperiksaan, pengawasan peperiksaan, dan menjadi penasihat kepada pelajar dalam hal akademik.

4.2.3 Perkhidmatan Klinikal di Farmasi Hospital atau di Farmasi Komuniti

Bidang tugas ini meliputi memberikan perkhidmatan dan khidmat nasihat farmasi klinikal di hospital yang merangkumi tugas pendispensan, kaunseling, *Cytotoxic Drug Reconstitution (CDR)*, *Therapeutic Drug Monitoring (TDM)*, *Total Parental Nutrition (TPN)*, *Drug Information Service*, *Medication Therapy Adherence Clinic (MTAC)* dan sebagainya atau memberikan perkhidmatan dan khidmat nasihat di farmasi komuniti yang merangkumi tugas pendispensan, kaunseling, pengurusan stok dan sebagainya.

4.2.4 Kepimpinan Akademik, Pengiktirafan dan Sanjungan

Aspek tugas ini meliputi penglibatan staf untuk meraih anugerah akademik, penilaian tesis, artikel, jurnal kenaikan pangkat, penilai kertas kerja, penglibatan dalam persatuan akademik dan profesional, syarahan undangan, ucapan utama, dilantik sebagai ahli lembaga penyunting jurnal dan sebagainya.

4.2.5 Perundingan

Seseorang ahli akademik mempunyai aspek tugasan memberikan khidmat perundingan dalam bidang kepakarannya melalui pelantikan untuk menyelesaikan masalah tertentu. Pada asasnya dua jenis perundingan dikenal pasti iaitu perundingan yang mempunyai ganjaran dan perundingan yang tidak mempunyai ganjaran. Perbezaan asas antara keduanya ialah ganjaran kewangan yang diperoleh calon (tidak termasuk honorarium, per diem, dsb) dan sama ada projek ini melibatkan pembayaran kepada universiti atau tidak. Perundingan yang membawa kewangan sangatlah digalakkan dan juga projek-projek yang berbentuk khidmat kepada masyarakat juga digalakkan.

4.2.6 Khidmat kepada Universiti

Bidang tugas ini merujuk kepada penglibatan atau pelantikan seseorang ahli akademik dalam semua aktiviti universiti untuk menjayakan wawasan, perancangan dan hala tuju universiti. Terdapat dua jenis penglibatan:

- a. berasaskan jawatan pentadbiran (contoh: Dekan/ Pengarah, Timbalan Dekan/ Timbalan Pengarah/ Ketua Jabatan/ Pengerusi/ Penyelaras); atau
- b. berasaskan keupayaan dan kepakaran individu.

4.2.7 Khidmat kepada Masyarakat

Bidang tugas ini merujuk kepada penglibatan seseorang ahli akademik kepada masyarakat di luar universiti khususnya dalam bidang/ aktiviti bukan akademik.

5. HUBUNGAN KERJA

Dalam

- a. Pengurusan tertinggi universiti.
- b. Dekan/ Pengarah/ Pengerusi.
- c. Timbalan Dekan/ Timbalan Pengarah/ Ketua Pusat Pengajian/ Ketua Jabatan/ Ketua Program.
- d. Pelajar.

Luaran

- a. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- b. Jabatan-jabatan kerajaan.
- c. Institusi Pengajian Tinggi dalam dan luar negara.
- d. Institusi penyelidikan dalam dan luar negara.
- e. Sektor swasta dan industri.
- f. Komuniti dan masyarakat.

6. PERSEKITARAN KERJA

- a. Dalam dan luar pejabat.
- b. Fakulti/ pusat akademik/ Institut/ Jabatan/ Bahagian.
- c. Institusi pendidikan dan penyelidikan di dalam dan luar negara.

7. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/KEMAHIRAN)

- a. Berkelulusan ijazah sarjana/ ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- b. Berdaftar penuh dengan Lembaga Farmasi Malaysia (LFM)
- c. Berkebolehan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran.
- d. Berpengetahuan luas dalam bidang penyelidikan dan inovasi.
- e. Berkebolehan untuk menulis artikel, jurnal, bahan penerbitan dan sebagainya.
- f. Berkemahiran dalam pelbagai perisian komputer berkaitan dengan penyelidikan, kaedah pengajaran dan pembelajaran.
- g. Berkebolehan berkomunikasi secara lisan dan bertulis.
- h. Berkebolehan memberikan pendapat secara profesional.

- i. Berkebolehan memberi khidmat nasihat dan mengemukakan hujah-hujah dengan baik.

8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- a. Integriti.
- b. Bertanggungjawab.
- c. Profesionalisme.
- d. Intelek.
- e. Kualiti.
- f. Disiplin.
- g. Menepati masa.
- h. Semangat berpasukan.
- i. *Sense of urgency*

9. ANCAMAN/ BAHAYA

- a. Percanggahan kepentingan.
- b. Penglibatan dengan aktiviti luar pejabat.
- c. Kes-kes pemalsuan kelayakan akademik dan maklumat penyelidikan.
- d. Kes-kes disiplin.
- e. Boleh diambil tindakan undang-undang.

LAMPIRAN E

SURAT TAWARAN OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN (PENSYARAH FARMASI)

(Nama dan alamat Pihak Berkuasa Melantik)

.....
.....

Fail Ruj.:
Tarikh:

Nama : (Nama pegawai)

Alamat :
.....

Melalui Ketua Jabatan:

(Nama Ketua Jabatan)

.....
.....

Tuan/ Puan,

TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN BERIKUTAN PEWUJUDAN SKIM PERKHIDMATAN PENSYARAH FARMASI MELALUI PEMBERIAN OPSYEN

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Kerajaan telah memutuskan untuk **mewujudkan skim perkhidmatan Pensyarah Farmasi** berkuat kuasa pada **1 November 2013**. Sehubungan itu, tuan/puan dengan ini ditawarkan pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan **Pensyarah Farmasi** di (Nama Jabatan) di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pendidikan dengan gaji RM.....atas Gred ... mulai pada tarikh yang sama.

2. Tawaran pertukaran pelantikan melalui opsyen ini tertakluk kepada syarat-syarat seperti dinyatakan di **Lampiran E1**. Tuan/Puan dikehendaki memberi jawapan **sama ada menerima atau menolak tawaran** pertukaran pelantikan ini dengan mengisi Borang Opsyen di **Lampiran E2**. Jawapan tuan/puan hendaklah sampai ke pejabat ini sebelum atau pada (30 hari mulai dari tarikh surat tawaran dikeluarkan).

2.1 Sekiranya tuan/puan **menerima tawaran**, tuan/puan hendaklah:

Menandakan (✓) dalam kotak yang disediakan **di perenggan (a) dalam Borang Opsyen di Lampiran E2;**

atau

2.2 Sekiranya tuan/puan **menolak tawaran**, tuan/puan hendaklah:

Menandakan (✓) dalam kotak yang disediakan **di perenggan (b) dalam Borang Opsyen di Lampiran E2.** Tuan/Puan akan dikekalkan di dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

.....
(Tandatangan)
Ketua Jabatan

LAMPIRAN E1

SYARAT-SYARAT PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI OPSYEN

- | | | |
|----|--|---|
| 1. | Kerajaan telah memutuskan untuk mewujudkan skim perkhidmatan Pensyarah Farmasi berkuat kuasa pada 1 November 2013 . Dengan keputusan itu, tuan/puan diberi opsyen sama ada menerima untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah Farmasi ataupun menolak tawaran pertukaran pelantikan. Jika tuan/puan menolak tawaran pertukaran pelantikan ini , tuan/puan akan dikekalkan di dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal . Opsyen ini adalah muktamad . | OPSYEN |
| 2. | Tempoh opsyen yang diberi kepada tuan/puan untuk membuat pilihan ialah tiga puluh (30) hari mulai dari tarikh surat tawaran dikeluarkan. Jika tuan/puan tidak membuat pilihan atau tidak melaporkan diri bertugas pada tarikh yang ditetapkan atau membuat pilihan dengan bersyarat atau gagal mengembalikan borang opsyen tanpa sebarang sebab yang munasabah, tuan/puan adalah dianggap menolak tawaran pertukaran pelantikan dan akan dikekalkan di dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal. | TEMPOH MEMBUAT OPSYEN |
| 3. | Tuan/Puan akan ditawarkan ke skim perkhidmatan Pensyarah Farmasi Gred jawatan baharu yang sama/ setaraf dengan gred jawatan tuan/puan di gred jawatan asal. | JAWATAN YANG DITAWARKAN |
| 4. | Tuan/Puan akan tertakluk kepada syarat dan peraturan yang diperuntukkan di dalam skim perkhidmatan yang tuan/puan ditukar lantik. | PEMAKAIAN SYARAT DAN PERATURAN PERKHIDMATAN BAHARU |
| 5. | Tuan/Puan akan ditawarkan: | GAJI PERMULAAN |
| | (i) gaji yang sama dengan amaun gaji akhir yang diterima di gred jawatan asal pada tarikh kuat kuasa; | |
| | (ii) Pegawai yang gaji akhirnya tidak dapat ditampung oleh amaun gaji mengikut kaedah di atas, maka jadual gaji KUP hendaklah dipohon daripada Bahagian Saraan, JPA. | |

6. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) tuan/puan di jawatan baharu adalah kekal.
7. Tuan/Puan **dikecualikan** daripada syarat tempoh percubaan **jika tuan/puan telah disahkan** dalam perkhidmatan asal. Walau bagaimanapun untuk tujuan pencen, tuan/puan hendaklah disahkan dalam perkhidmatan baru oleh Pihak Berkuasa Melantik pada bila-bila masa dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan.
8. Tuan/Puan yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan asal, dikehendaki **menghabiskan baki** tempoh percubaan dan boleh disahkan dalam perkhidmatan pada bila-bila masa sekiranya telah mencukupi tempoh sekurang-kurangnya satu (1) tahun termasuk mengambil kira tempoh percubaan jawatan asal tertakluk dengan syarat tuan/puan telah memenuhi semua syarat pengesahan dalam perkhidmatan yang ditetapkan. Syarat-syarat pengesahan dalam perkhidmatan yang telah dipenuhi dengan jayanya semasa di jawatan asal adalah dikecualikan.
9. Kekananan tuan/puan yang ditukar lantik ke gred jawatan baharu adalah dikekalkan.
10. Jika tuan/puan belum disahkan dalam perkhidmatan, tuan/puan layak diberi opsyen skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebelum diperakukan pengesahan dalam perkhidmatan di jawatan baharu.
11. Taraf berpencen yang diberi kepada tuan/puan sebelum pertukaran pelantikan ini dikuatkuasakan akan dikekalkan.
12. Tuan/Puan dibenarkan membawa baki cuti rehat tahunan dan cuti rehat yang telah dikumpulkan untuk tujuan award wang tunai sebagai gantian cuti rehat, mengikut syarat dan peraturan yang berkuat kuasa.
13. Tuan/Puan boleh ditempatkan berkhidmat di mana-mana jua sepertimana yang diarahkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
14. Ketua Perkhidmatan tuan/puan ialah mengikut mana-mana yang berkenaan.

**TARIKH
PERGERAKAN GAJI**

**TEMPOH
PERCUBAAN BAGI
PEGAWAI YANG
TELAH DISAHKAN**

**TEMPOH
PERCUBAAN BAGI
PEGAWAI YANG
BELUM DISAHKAN**

KEKANANAN

OPSYEN SKIM KWSP

**TARAF BERPENCEN
DIKEKALKAN**

CUTI REHAT

PENEMPATAN

**KETUA
PERKHIDMATAN**

15. Tuan/Puan akan sentiasa tertakluk kepada peraturan dan arahan yang berkuat kuasa dalam perkhidmatan awam.
16. Tuan/Puan dikecualikan daripada syarat pemeriksaan kesihatan, akuan berkanun, aku janji dan tapisan keselamatan sekiranya tuan/puan telah memenuhi syarat tersebut semasa di jawatan asal.
17. Pertukaran pelantikan tuan/puan melalui pemberian opsyen ini adalah berkuat kuasa mulai **1 November 2013**.
18. Hubungan tuan/puan dengan perkhidmatan asal adalah terputus **kecuali** bagi tujuan faedah persaraan dan kemudahan-kemudahan lain yang diberi berdasarkan tempoh perkhidmatan seperti cuti rehat, cuti haji dan pinjaman.

**KEPERLUAN
MEMATUHI
PERATURAN**

**SYARAT
PELANTIKAN YANG
DIKECUALIKAN**

**TARIKH KUAT
KUASA**

**HUBUNGAN DENGAN
PERKHIDMATAN
ASAL**

LAMPIRAN E2

**BORANG OPSYEN
(PENSYARAH FARMASI)**

Fail Rujukan :
Tarikh :

(Nama dan alamat Pihak Berkuasa Melantik)

.....
.....

Melalui Ketua Jabatan:
(Nama Ketua Jabatan)

.....

Tuan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN BERIKUTAN PEWUJUDAN SKIM
PERKHIDMATAN PENSYARAH FARMASI MELALUI PEMBERIAN OPSYEN**

Berhubung dengan surat tuan bil.: bertarikh mengenai perkara di atas, maka saya dengan ini membuat pilihan seperti berikut:-

- * (a) **Menerima tawaran** pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan **Pensyarah Farmasi Gred** di (Jabatan) di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pendidikan dengan gaji RM..... atas Gred dengan syarat yang dinyatakan di **Lampiran E1** surat tawaran tuan;

ATAU

(b) **Menolak tawaran** pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan **Pensyarah Farmasi Gred** di (Jabatan) di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pendidikan dengan gaji RM..... atas Gred dengan syarat yang dinyatakan di **Lampiran E1** surat tawaran tuan dan dengan ini bersetuju kekal di dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal.

2. Saya sesungguhnya faham kandungan surat tawaran ini dan implikasi ke atas pilihan yang saya buat.

Tandatangan :

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Tarikh :

Di hadapan :

.....
SAKSI**

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Alamat :

Tarikh :

Nota:

* Tandakan (✓) dalam salah satu petak yang berkenaan

** Ketua Jabatan atau Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional

Lampiran F

**STATUS PELAKSANAAN OPSYEN TUKAR LANTIK
PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN ____ TAHUN 2013**
SKIM PERKHIDMATAN PENSYARAH FARMASI

LAMPIRAN G**CONTOH 1: KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN
BAGI PERTUKARAN PELANTIKAN PENSYARAH UNIVERSITI
(BIDANG FARMASI) GRED DS45 KE PENSYARAH FARMASI GRED DUF45**

Tarikh Kuat Kuasa : 1 November 2013
Tarikh Pergerakan Gaji : 1 Januari
Gaji Minimum - Maksimum Gred DUF45 : RM2,878.00 - RM10,075.00
Kenaikan Gaji Tahunan Gred DUF45 : RM255

Tarikh	Gaji Sekarang Gred DS45 (RM)	Gaji Baru Gred DUF45 (RM)	Catatan
31.10.2013	3,387.04	-	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan.
1.11.2013	3,387.04	3,387.04	Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. Penetapan gaji permulaan pertukaran pelantikan pada amanun gaji yang sama dengan gaji akhir di gred jawatan asal. TPG dikekalkan pada 1 Januari.
1.1.2014	-	3,642.04 [diberi 1 KGT di Gred DUF45 iaitu RM255]	TPG Gred DUF45. Diberi Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

KGT : Kenaikan Gaji Tahunan

**CONTOH 2: KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI
PERTUKARAN PELANTIKAN PENSYARAH UNIVERSITI (BIDANG FARMASI)
GRED DS54 KE PENSYARAH FARMASI GRED DUF54**

Tarikh Kuat Kuasa : 1 November 2013
 Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 Oktober
 Gaji Minimum - Maksimum Gred DUF54 : RM5,922.00 - RM11,955.00
 Kenaikan Gaji Tahunan Gred DUF54 : RM320

Tarikh	Gaji Sekarang Gred DS54 (RM)	Gaji Baru Gred DUF54 (RM)	Catatan
31.10.2013	8,121.80	-	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan.
1.11.2013	8,121.80	8,121.80	Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. Penetapan gaji permulaan pertukaran pelantikan pada aman gaji yang sama dengan gaji akhir di gred jawatan asal. TPG dikekalkan pada 1 Oktober.
1.10.2014	-	8,441.80 [diberi 1 KGT di Gred DUF54 iaitu RM320]	TPG Gred DUF54. Diberi Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

KGT : Kenaikan Gaji Tahunan

CONTOH 3: KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI PENSYARAH UNIVERSITI (BIDANG FARMASI) GRED DS45 YANG DITUKAR LANTIK KE PENSYARAH FARMASI GRED DUF45 DAN DINAIKKAN PANGKAT KE PENSYARAH FARMASI GRED DUF52 PADA TARikh KUAT KUASA

Tarikh Kuat Kuasa	:	1 November 2013
Tarikh Pergerakan Gaji Asal	:	1 Oktober
Gaji Minimum - Maksimum Gred DUF45	:	RM2,878.00 - RM10,075.00
Kenaikan Gaji Tahunan Gred DUF45	:	RM255
Tarikh Kenaikan Pangkat	:	1 November 2013
TPG Gred Kenaikan Pangkat	:	1 Oktober (2014)
Gaji Minimum - Maksimum Gred DUF52	:	RM5,637.00 - RM11,285.00
Kenaikan Gaji Tahunan Gred DUF52	:	RM290

Tarikh	Gaji Sekarang Gred DS45 (RM)	Gaji Baru Gred DUF45 (RM)	Gaji Baru Gred DUF52 (RM)	Catatan
31.10.2013	6,132.77	-	-	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan.
1.11.2013	6,132.77	6,132.77	-	<p>Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan.</p> <p>Penetapan gaji permulaan pertukaran pelantikan Pensyarah Universiti (Bidang Farmasi) Gred DS45 ke Pensyarah Farmasi Gred DUF45 pada amanun gaji yang sama dengan gaji akhir di gred jawatan asal.</p> <p>TPG dikekalkan pada 1 Oktober.</p>
1.11.2013	-	6,387.77 [amanun gaji yang perlu diselaraskan mengikut prinsip kenaikan pangkat]	6,387.77	<p>Tarikh kuat kuasa kenaikan pangkat ke Gred DUF52.</p> <p>Penetapan gaji permulaan di gred jawatan kenaikan pangkat.</p> <p>TPG di gred jawatan kenaikan pangkat ditetapkan pada 1 Oktober mulai tahun berikutnya.</p>
1.10.2014	-	-	6,677.77 [diberi 1 KGT di Gred DUF52 iaitu RM290]	<p>TPG Gred DUF52.</p> <p>Diberi Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.</p>

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

KGT : Kenaikan Gaji Tahunan